

**TEKS UCAPAN**  
**YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING MOHD NASIR IBRAHIM**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN**  
**MINGGU KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2017**  
**PADA 26 APRIL 2017, PUKUL 11:30 PAGI DI ASTAKA, UMP KAMPUS GAMBANG**

**[DIBACAKAN OLEH**  
**TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)]**

---

**SALUTASI**

Saudara Pengacara Majlis,

Rakan-rakan saya:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Profesor Dr. Mashitah Binti Mohd. Yusoff,

Timbalan Naib Canselor, (Penyelidikan & Inovasi);

Encik Ab Hamid Majid,

Pendaftar;

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail,  
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti);

Profesor Dr. Jamil Ismail,  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat);

Encik Zainuddin Othman,  
Bendahari;

Haji Ruslan Che Pee,  
Ketua Pustakawan;

Yang Berbahagia Datin Hajah Wan Maizurina Wan Othman,  
Penasihat Undang-undang;

Encik Muhammad Hairynizam Muhd Taib,  
Pengarah Pejabat Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan UMP;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;  
Wakil-wakil Agensi Kerajaan;

Tuan-tuan dan puan-puan;

Warga kerja dan mahasiswa yang dikasihi.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

## **KATA PEMBUKA**

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya dapat turut serta bersama tuan-tuan dan puan-puan dalam Majlis Perasmian Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2017 Peringkat Universiti Malaysia Pahang pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan salam takzim daripada Naib Canselor, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim yang tidak dapat hadir ke majlis ini berikutan urusan tertentu yang tidak dapat dielakkan. Beliau telah mewakilkan saya untuk membacakan ucapan ini dan seterusnya menyempurnakan perasmian Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2017 Peringkat UMP ini.
3. Saya amat sukacita atas inisiatif yang diambil oleh Pejabat Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan UMP (OSHMO) yang diterajui oleh Encik Muhammad Hairynizam Muhd Taib selaku Pengarahnya untuk menganjurkan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang julung-julung kalinya diadakan di Universiti ini.
4. Sesungguhnya, penganjuran acara ini adalah manifestasi kepekaan warga UMP terhadap kepentingan kesedaran berhubung kesihatan dan keselamatan pekerjaan (*Occupational Safety and Health – OSH*) dalam konteks keteraturan pengoperasian urusan sehari-hari kita di Universiti ini, sama ada oleh warga kerja atau mahasiswa yang seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan semua.

5. Justeru, pada hemat saya, kesedaran mengenai kepentingan OSH tersebut tidaklah semata-mata terbatas semasa pelaksanaan program ini yang disejajarkan dengan sambutan *World Day for Safety and Health at Work* pada tarikh 28 April setiap tahun, namun perlu dibudayakan secara konsisten dalam kalangan warga kerja dan mahasiswa Universiti ini.

### **OSH DAN AGENDA GLOBAL**

6. Tuan-tuan dan puan-puan,

Pada kesempatan ini, sukalah saya menarik perhatian para hadirin kepada perkaitan pembudayaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam konteks agenda global, khususnya Agenda 2030 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pembangunan Lestari (*The United Nations 2030 Agenda for Sustainable Development*) yang telah diterima pakai mulai 25 September 2015 oleh negara-negara anggota PBB, termasuk Malaysia.

7. Pelaksanaan *World Day for Safety and Health at Work* yang diterajui oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization* – ILO) sebenarnya mendukung pengisian Sasaran Pembangunan Lestari Ke-8 dalam kerangka Agenda 2030 yang disebut tadi iaitu penggalakan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan inklusif, pekerjaan yang menyeluruh dan produktif serta kerja berpadanan untuk semua (*inclusive and sustainable economic growth, full and productive employment and decent work for all*).
  
8. Dalam hubungan tersebut, sub-sasaran 8.8 telah menetapkan fokus terhadap perlindungan hak-hak buruh dan pelaksanaan persekitaran kerja yang selamat kepada semua pekerja, termasuk pekerja migran, khususnya wanita dan mereka yang terlibat dengan pekerjaan yang berbahaya (*protection of labour rights and promotion of safe and secure working environments for all workers, including migrant workers, in particular women migrants, and those in precarious employment.*)

9. Justeru, kita di UMP tidak terkecuali untuk mengambil agenda ini secara serius untuk dilaksanakan secara strategik dan terarah, apatah lagi kita di UMP mempunyai PTJ khusus iaitu OSHMO dan program akademik yang khas di Fakulti Teknologi Kejuruteraan iaitu Sarjana Muda Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan.
  10. Dengan wujudnya cabang pentadbiran yang khusus untuk melihat aspek OSH, dan adanya para penyelidik dan ahli akademik dalam bidang ini di UMP, maka Universiti sepatutnya lebih terkehadapan dalam menampilkan model persekitaran kerja selamat dan sihat yang boleh dicontohi oleh institusi dan organisasi lain.
  11. Namun, cabaran pertama yang perlu sama-sama kita tangani ialah membentuk mentaliti dan sikap yang betul dalam kalangan warga kerja dan mahasiswa UMP berhubung kesedaran untuk mewujudkan persekitaran kampus yang selamat dan sihat kepada semua.

12. Pembentukan mentaliti dan sikap ini memerlukan intervensi khusus melalui pendekatan pendidikan dan seterusnya penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan kesedaran yang dinyatakan tadi tidaklah hanya bersifat sementara, tetapi konsisten sifatnya sebagai satu budaya bersama.
  
13. Pembentukan mentaliti dan sikap yang saya nyatakan tadi tidaklah memadai dengan penggubalan dasar di atas kertas semata-mata, tetapi menuntut satu kerangka pelaksanaan yang menyeluruh, praktikal dan mengakar-umbi dengan penyertaan seluruh warga kampus bermula dari pihak pengurusan, pegawai akademik, kakitangan pentadbiran, pemimpin mahasiswa, mahasiswa biasa, pusat-pusat tanggungjawab dan pertubuhan-pertubuhan mahasiswa.
  
14. Justeru, saya berharap supaya OSHMO dapat menekuni perkara ini dengan lebih mendalam dan mengenal pasti kaedah dan pendekatan yang sesuai bagi mengekalkan kesedaran dan pembudayaan persekitaran yang selamat dan sihat di UMP tanpa bermusim.

15. Maka, saya yakin dan percaya bahawa penganjuran Minggu Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2017 ini merupakan satu platform yang sesuai dan tepat pada masanya bagi mencapai hasrat yang dinyatakan tadi. Oleh yang demikian, tema sambutan yang dipilih bagi edisi sulung ini iaitu *Join in Bulding a Culture of Prevention on OSH* mengkonotasikan aspek penyertaan menyeluruh yang disentuh tadi.
  
16. Ini adalah kerana soal kesedaran dan pembudayaan secara kolektif tersebut berupaya mengelakkan sebarang kemalangan atau insiden yang boleh berlaku akibat kecuaian dan kelalaian. Bukan sahaja ini boleh mengancam keselamatan dan nyawa warga kampus, tetapi kecuaian dan kelalaian tersebut, sekiranya dibiarkan tanpa teguran dan penguatkuasaan akan memberi imej yang negatif terhadap UMP di mata umum, khususnya dari kalangan pengunjung luar yang dating berurus di kedua-dua kampus Universiti ini.

17. Selain itu, kos yang perlu ditanggung sekiranya berlaku kemalangan sudah pastinya lebih tinggi nilainya berbanding kos yang perlu dikeluarkan untuk memastikan keselamatan di tempat kerja. Bukan sahaja kos rawatan, ganti rugi dan pampasan kepada keluarga mangsa perlu dibayar malah operasi universiti juga berisiko terganggu, dan bayangkanlah implikasi senario ini terhadap proses pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pentadbiran am. Maka itulah komitmen semua pihak di UMP dituntut untuk menjayakan agenda pembudayaan OSH ini secara serius dan konsisten.

## **PERANAN OSHMO**

18. Tuan-tuan dan puan-puan,

Menyedari liabiliti undang-undang yang dipertanggungjawabkan ke atas UMP sebagai majikan, maka OSHMO telah dijadikan satu cabang pentadbiran yang bertaraf Pusat Tanggungjawab sejak tahun 2012 bagi memenuhi keperluan Seksyen 15(1), Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

19. Saya amat sukacita atas pencapaian demi pencapaian yang diraih UMP atas pematuhan terhadap Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) secara efisien. Pada tahun 2016, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli telah mengharumkan nama UMP apabila memenangi *MSOSH OSH Gold (Class 2) Award* di samping berjaya mengekalkan persijilan OHSAS 18001:2007, MS 1722:2005 dan ISO 14001:2004 untuk tempoh 10 tahun.
  
20. Manakala baru-baru ini iaitu pada 15 April 2017 pula, UMP juga berjaya mencapai *6 Million Man-Hours Without LTI* yang membuktikan kesungguhan warga UMP dalam sama-sama mewujudkan tempat kerja selamat dan kondusif.
  
21. Saya juga amat sukacita dengan peranan yang telah dimainkan oleh UMP melalui OSHMO dalam menjayakan Program *OSH in School* di sekolah-sekolah terpilih di sekitar negeri Pahang dengan kerjasama dan penglibatan pangamal OSH. Penglibatan OSHMO dalam program ini juga amat signifikan dalam konteks sumbangannya terhadap agenda ‘Memasyarakatkan Teknologi’ dalam kerangka pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020.

22. Justeru, saya berharap supaya pihak OSHMO dapat terus meningkatkan keupayaan operasi dan kecemerlangan prestasi melalui jalinan kolaborasi dan perkongsian pintar dengan agensi dan organisasi berkaitan dalam merangka pelbagai program bersama seperti audit penguatkuasaan, latihan pengungsi bangunan dan penyelidikan bagi menjayakan aspirasi *ZERO Accident* di UMP menjelang tahun 2020.

### **KATA PENUTUP DAN LAFAZ PERASMIAN**

23. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan atas komitmen cemerlang pihak OSHMO, pusat-pusat tanggungjawab dan agensi luar dalam merealisasikan penganjuran edisi sulung Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat UMP ini.

24. Saya berdoa ke hadrat Allah Ta'ala mudah-mudahan kita semua terus berada di bawah rahmat peliharaan-Nya dengan naungan keselamatan, kesihatan, kesejahteraan, kemakmuran dan kejayaan dan dilindungi kita hendaknya dari sebarang ancaman malapetaka, wabak penyakit dan bencana, *Amin.*
25. Dengan harapan dan doa tersebut berserta dengan lafaz yang mulia *Bismillahirahmanirahim*, saya dengan ini merasmikan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2017 Peringkat Universiti Malaysia Pahang.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*  
*Assalamualaikum warahmatulkahi wabarakatuh.*